



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 OGOS 2018 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- PPR 'dilacur' kepada warga asing?

22

KOSMO

- Kilang kitar semula dikhuatiri seludup sisa plastic

01-02



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 OGOS 2018 (KHAMIS)	
Akbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PPR 'dilacur' kepada warga asing?
Muka Surat	22

UTUSAN MALAYSIA

KHAMIS • 02.08.2018

kota@utusangroup.com.my

UTUSAN KOTA

Unit Berita Kota

44, Jalan Utusan,
Melati, Jalan Chan Sow Lin,
55200, Kuala Lumpur.
facebook: Utusan Kota
Twitter: @utusankota
Laman web: www.utusan.com.my

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA

Kerajaan digesa ambil langkah berani, tegas

PPR 'dilacur' kepada warga asing?

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 OGOS

PROGRAM Perumahan Rakyat (PPR) yang disediakan kerajaan untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapat kediaman tidak harus 'dilacur' sehingga kemudahan itu menjadi kotong warga asing di negara ini.

Demikian huan masyarakat terhadap kebijakan warga asing yang menyewa unit-unit PPR yang bukan sahaja merampas kemudahan itu daripada rakyat tempatan bahkan menotus pelbagai masalah sosial dan isu berkaitan kebajikan.

Justeru, tindakan pemilik unit PPR yang membenarkan warga asing menyewa kediaman mereka untuk mengutip kadar sewa yang lebih tinggi tidak harus dibyarkan untuk mengekang masalah itu daripada menjadi lebih teruk.

Apatah lagi tindakan itu jelas bertentangan dengan undang-undang perumahan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tinjauan Utusan Malaysia di sekitar ibu kota baru-baru ini mendapati rungutan orang ramai mengenai masalah ini berasas apabila kebanyakan daripada perumahan berkenaan dihuni oleh ramai warga asing.

Lebih memburukkan keadaan apabila unit-unit kediaman yang berkeluasan kurang daripada 500 kaki persegi itu dihuni oleh puluhan penyewa yang membekalkan pelbagai masalah seperti bising dan persekitaran yang kotor. Keadaan itu sekali gus menimbulkan kekusaran dan rasa tidak selamat dalam kalangan penduduk tempatan.

Walaupun pelbagai tindakan penguatkuasaan dilakukan oleh kerajaan bagi membendung masalah itu, isu tersebut seperti masih tidak bermatikan.

Selubungan itu, penduduk di perumahan PPR dan Perumahan Awam (PA) di sini menyokong kerajaan mengambil tindakan terhadap pemilik kediaman yang tidak dapat berhal menyewa rumah PPR kepada warga asing.

Pengumuman itu diputuskan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PKPT), Zuraida Kamaruddin pada awal Jun lalu dengan memberi tempoh selama tiga bulan kepada pemilik rumah untuk mengosongkan rumah-rumah yang disewakan kepada warga asing.

Dalam perkembangan itu melibatkan PPR dan PA kesediaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Wan Mohamad Ghazali Nor berkata, DBKL menyambat baik sarana Kementerian dan akan bertindak tegas dalam penguatkuasaan dan

pan. Menurut beliau, mana-mana pemilik unit yang memberi sewa kepada warga asing akan diberikan notis arahan kerana melanggar syarat perjanjian dengan DBKL.

Masalah bagi individu yang menyewa unit kediaman daripada DBKL dan didapati melakukan kesalahan yang sama, unit berkenaan akan dirampas serta-merta.

Beliau berkata, bertidak kepada pengumuman PKPT itu juga, pihaknya mengemukakan notis kepada pemilik rumah PPR dan PA yang diayak melanggar syarat perjanjian sewa dan jual beli pada bulan lalu.

"Walaupun isu warga asing di PPR masih lagi terkawal, kami akan melaksanakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa dalam memberi amaran kepada pemilik supaya mematuhi peraturan tersebut," katanya.

ISU RAKYAT

info

STATISTIK TINDAKAN

Sepanjang 2017

- 660 unit PPR dirampas
- 6 unit PPR didamaikan warga asing dirampas

Sehingga Jun 2018

- 465 unit PPR dirampas
- 740 notis dikeluarkan
- 2 unit PPR dihuni warga asing dirampas

68 kawanan PPR di sekitar ibu kota

74,000 unit PPR di bawah seliaan DBKL

Operasi warga asing bermula September

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (PKPT) memberi amaran tidak akan berkompromi dengan pemilik unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang menyewakan unit kediaman kepada warga asing.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, perkara itu diputuskan selepas tempoh tiga bulan yang diberikan kepada pemilik untuk menandatangani penyewa warga asing berakhir pada bulan ini.

"Kami akan memulakan operasi dengan menyemak maklumat PPR di bawah KPPT sebelum melaksanakan operasi penguatkuasaan pada hujung Aduan," katanya.

Pada 3 Jun lalu, pemilik rumah PPR diberikan tempoh selama tiga bulan bermula tarikh tersebut untuk mengosongkan rumah PPR mereka daripada penyewa warga asing.

"Saya belum semak lagi kerana tempoh tiga bulan itu saya beritaskan secara sukarela kepada pemilik supaya datang dan mendiami semula rumah mereka," katanya.

Menurutnya, sehingga kini, terdapat 177 projek melibatkan 84,000 unit PPR di seluruh negara di bawah KPPT.

Pada 3 Jun lalu, pemilik rumah PPR diberikan tempoh selama tiga bulan bermula tarikh tersebut untuk mengosongkan rumah PPR mereka daripada penyewa warga asing.

REAKSI

KEUTAMAAN RAKYAT TEMPATAN

MASALAH ini seolah-olah tidak ada jalan penyelesaian. Pagi dan malam, pentadbiran golongan warga asing akan memenuhi kawasan perumahan kerana hampir di setiap blok mereka menyewa.

TAN YUSOF
Penduduk

MASH ramai yang memerlukan kemudahan rumah PPR, tidak adil bagi rakyat tempatan jika unit-unit PPR ini terus didominasi oleh warga asing sedangkan sudah banyak kemudahan lain dinikmati mereka di negara ini.

S. KANNAMBA
Penduduk

SAYA berharap pihak berkuasa dapat menentang masalah ini dengan segera agar tidak berlaku dan merugikan warga tempatan. Kita sebagai golongan muda."

NURUL ANISA KHAIROL SALLEH
Penduduk

KERANJAN warga asing semakin meningkat.

WARSA asing ditahan oleh anggota penguat kuasa DBKL dalam operasi pematuhan syarat-syarat penyewaan PPR di Sungai Besi, Kuala Lumpur.

SEORANG warga asing yang dipercepal mengabaikan lantikan mengumpul bahan-bahan bakar untuk di PPR Kerinci, Kuala Lumpur.

ANGGOTA penguat kuasa DBKL memeriksa warga asing yang tinggal di rumah PPR yang dipercepal di kawasan perumahan di PPR Kerinci, Kuala Lumpur.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 OGOS 2018 (KHAMIS)	
Akhbar	KOSMO
Tajuk Berita	Kilang kitar semula dikhuatiri seludup sisa plastik
Muka Surat	01-02



SESETENGAH kilang plastik disyaki masih beroperasi walaupun sudah diarah tutup oleh kerajaan minggu lalu.

Kilang kitar semula dikhuatiri seludup sisa plastik

Penduduk Kuala Langat dakwa kilang plastik ingkar arahan kerajaan kerana masih beroperasi

PENDUDUK Kuala Langat di Selangor melahirkan kebimbangan mengenai kemungkinan wujud kegiatan menyeludup sisa plastik dari luar negara susulan langkah kerajaan membatalkan 114 Permit Lesen Import (AP) bahan buangan itu baru-baru ini.

Menurut sumber, beliau percaya terdapat cubaan untuk membawa masuk sisa pepejal itu secara haram kerana sesetengah kilang kitar semula di daerah tersebut masih beroperasi sedangkan AP telah dibekukan.

Apatah lagi, ujarnya, beliau pernah melihat kehadiran mencurigakan pekerja kilang plastik dipercayai warga China di dua buah jeti persendirian di Telok Panglima Garang.

Tambah sumber tersebut, beliau menyaksikan sendiri beberapa kilang plastik menjalankan aktiviti pada waktu malam Isnin lalu walaupun kerajaan telah mengarahkan kesemua 35 buah kilang di Kuala Langat menghentikan operasi masing-masing.

"Pada sebelah siang memang kawasan kilang nampak kosong namun apabila menjelang malam, mereka kembali beroperasi secara senyap-senyap. Saya dapat melihat asap putih keluar dengan bau plastik dibakar," ujarnya.

SUNGAI Langat yang menempatkan dua buah jeti persendirian di Telok Panglima Garang.

Menteri janji Malaysia tidak akan jadi tong sampah dunia

KERATAN Kosmo! semalam.

» BERITA DI MUKA 2

Kilang kitar semula terus beroperasi walaupun AP sisa plastik dihentikan

Penduduk Kuala Langat menuntut janji

Oleh IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR – Arahan kerajaan supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) menutup semua kilang memproses sisa plastik di Kuala Langat, Selangor ibarat masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.

Kilang-kilang tersebut masih beroperasi seperti tidak putus stok sisa plastik walaupun Permit Lesen Import (AP) barang buangan tersebut sudah dihentikan kerajaan.

Hanya yang berbeza ialah selepas bebah isu kilang memproses sisa plastik mengancam kesihatan 300,000 penduduk di daerah itu, kilang-kilang tersebut kini hanya melakukan operasinya pada waktu malam iaitu sekitar pukul 9 malam sehingga pukul 8 pagi.

Difahamkan masih terdapat kira-kira 90 buah kilang beroperasi seperti biasa di Kuala Langat di sebalik kegusaran dan runtutan penduduk yang bimbang dengan masalah pencemaran udara dan risiko kesihatan.

Satu sumber yang enggan dinamakan memberitahu, dia yang keluar membuat tinjauan secara peribadi di beberapa buah kilang kitar semula di Telok Panglima Garang dan Jenjarom pada Isnin lalu mendapati kilang-kilang tersebut terus beroperasi seperti biasa tetapi beralih kepada waktu malam.

"Pada waktu siang kebanyakan kilang nampak kosong dan tiada orang. Menjelang waktu malam kilang-kilang tersebut aktif dengan cerobong mengeluarkan asap keputihan berbau plastik," kata sumber itu ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, pada 25 Julai lalu, pihak berkuasa hanya menyertu enam buah kilang kitar semula bersaiz kecil tetapi kilang-kilang bersaiz besar tidak 'diganggu' manakala AP sisa plastik pula dihentikan sementara pada hari sama.



JETI persendirian di Sungai Langat, Telok Panglima Garang disyaki membawa masuk stok sisa barang buangan ke Kuala Langat.



SEBUAH kilang kitar semula sisa plastik di Telok Panglima Garang, Kuala Langat yang beroperasi pada malam Isnin lalu.

Permit import sisa plastik dibeku serta-merta

Kilang-kilang kitar semula KEMENTERIAN Perumahan dan Tempatan mengemukakan permohonan untuk membatalkan AP sisa plastik.

KERATAN Kosmo! 25 Julai 2018.

Menteri janji Malaysia tidak akan jadi tong sampah dunia

KERAJAAN memberi jaminan Malaysia tidak akan menjadi 'tong sampah' dunia walaupun negara ini menjadi pengimport terbesar sisa plastik dari United Kingdom (UK) dan beberapa negara maju lain. Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubatan dan Alam Sekitar, Yeo

KERATAN Kosmo! semalam.

"Operasi kilang-kilang tersebut turut menimbulkan kehairanan dari mana mereka mendapat stok sisa plastik sedangkan seluruh pelabuhan atau jeti tidak dibenarkan membawa masuk sisa plastik selepas kerajaan mengumumkan AP barang tersebut telah dihentikan," katanya.

Semalam Kosmo! melaporkan Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin dalam sidang Dewan Rakyat berkata, kerajaan telah memperkalkan prosedur operasi standard (SOP) dengan kriteria baharu bagi permohonan AP sisa plastik selepas kerajaan membatalkan

114 AP barang tersebut secara serta-merta pada 25 Julai lalu.

Ekoran isu kilang kitar semula yang meletakkan penduduk dalam risiko untuk menghidap kanser, beberapa pihak termasuk PBT telah membuat serbuan ke atas enam buah kilang pada 24 Julai lalu dan mengesan daerah tersebut mempunyai 35 buah kilang dengan hanya tiga buah mempunyai lesen.

Mengulas lanjut, sumber itu memberitahu, tindakan seperti hangat-hangat tabi ayam PBT selepas menerima arahan kerajaan itu secara tidak langsung mencuewakan kira-kira 300,000 penduduk Kuala Langat

yang mengharapkan nasib mereka dibela.

"Penduduk Kuala Langat juga hairan kenapa PBT dan kerajaan tidak mampu menghentikan serta-merta operasi kilang kitar semula yang difahamkan kebanyakannya beroperasi secara haram," katanya.

Jelasnya, seperti sebelum ini, penduduk Kuala Langat terutama yang mendiami rumah-rumah di Jenjarom dan Telok Panglima Garang yang terletak berhampiran kilang terpaksa memakai topeng muka bagi mengelakkan mereka berdepan masalah kesihatan.

"Penduduk mendakwa, akibat operasi kilang kitar semula itu juga banyak klinik di Kuala Langat mendapat keuntungan kerana ramai pesakit yang terjerjes akibat pencemaran udara yang berlaku sejak dua tahun lalu," katanya.

Sementara itu, satu sumber lain berkata, banyak pihak di daerah tersebut juga mengesyaki kilang-kilang kitar semula di Kuala Langat mampu beroperasi semula selepas menerima stok sisa plastik dari serata dunia menerusi jeti-jeti persendirian di Sungai Langat walaupun kerajaan menghentikan AP import sisa plastik.

"Tinjauan kami mendapati ada kelibat individu yang dipercayai pekerja kilang plastik mundar-mandir di dua buah jeti persendi-

rian di Telok Panglima Garang beberapa hari lalu," katanya.

Jelas sumber itu, pihaknya tidak berani untuk bertanya kerana bimbang keselamatan, sebaliknya hanya memantau dari jauh.

INFO Kronologi kes kilang kitar semula plastik

- **23 Julai 2018** – Daerah Kuala Langat, Selangor menjadi lokasi tumpuan berpuh kilang kitar semula memproses sisa plastik yang diimport dari seluruh dunia yang dipercayai mengancam kesihatan kira-kira 300,000 penduduknya
- **24 Julai 2018** – Kerajaan memberi arahan agar pihak berkuasa tempatan menghentikan operasi semua kilang memproses sisa plastik di Kuala Langat bermula pada 23 Julai 2018
- **25 Julai 2018** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menghentikan pengeluaran permit lesen import (AP) sisa plastik kepada 114 syarikat dan kilang di seluruh negara untuk tempoh tiga bulan berkuat kuasa 24 Julai 2018
- **26 Julai 2018** – Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar memberi jaminan Malaysia tidak akan menjadi 'tong sampah' dunia walaupun negara ini menjadi pengimport terbesar sisa plastik dari United Kingdom dan beberapa negara maju lain

Exco Selangor jamin ambil tindakan ke atas kilang degil

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Sikap degil pengusaha kilang memproses sisa plastik di Kuala Langat, Selangor yang terus menjalankan operasi walaupun Kementerian Perumahan dan Kajian Tempatan (KPKT) telah membatalkan 114 Permit Lesen Import (AP) baru-baru ini bakal menerima hukuman setimpal.

Exco Alam Sekitar Negeri Selangor, Ng Sze Han (gambar) memberitahu, beliau terkejut

dengan maklumat terbaru tersebut dan memberi jaminan akan mengambil tindakan lanjut terhadap pengusaha-pengusaha kilang yang mengubah modus operandi daripada beroperasi pada waktu siang kepada waktu malam.

"Selepas semakan, saya akui kilang-kilang tersebut masih beroperasi. Saya beri jaminan akan mengenakan tindakan keras ke atas pengusaha-

pengusaha kilang yang degil," kata beliau ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan bentuk tindakan akan dilakukan ke atas kilang-kilang tersebut.

Mengenai cubaan menyedup masuk sisa plastik dari jeti-jeti persendirian di sekitar Telok Panglima Garang selepas kerajaan menghentikan

AP import sisa plastik, beliau berkata, perkara tersebut di luar bidang kuasanya.

"Selepas KPKT membatalkan AP sisa plastik, kilang-kilang di Kuala Langat sepatutnya tidak boleh menjalankan sebarang operasi kerana tiada stok barang buangan untuk diproses," katanya.

Katanya, kes penyeludupan barang sisa plastik sepatutnya dalam bidang kuasa pihak berkuasa pelabuhan dan pihak Kastam.



Info Solat	2 OGOS 2018				
	SUBUH	STURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB
K. LUMPUR	5:52	7:11	1:22	4:43	7:30
SHAH ALAM	5:52	7:11	1:22	4:43	7:30
SEREMBAN	5:52	7:12	1:21	4:42	7:26
MELAKA	5:51	7:11	1:20	4:41	7:25
JOHOR BAHRU	5:46	7:06	1:14	4:35	7:18
IPOH	5:53	7:10	1:25	4:45	7:33
P. PINANG	5:54	7:13	1:27	4:47	7:31
ALOR SETAR	5:53	7:11	1:27	4:47	7:30
K. TERENGGANU	5:43	7:04	1:16	4:36	7:25
KOTA BHARU	5:50	7:07	1:20	4:40	7:30
KUANTAN	5:47	7:05	1:16	4:38	7:23
KANGAR	5:55	7:13	1:27	4:47	7:30
TANJUN	4:46	6:07	12:18	3:38	6:25
KOTA KINABALU	4:51	6:11	12:24	3:44	6:34
KUCHING	5:21	6:41	12:49	4:10	6:54
MIRI	5:02	6:22	12:33	3:54	6:40

*Kawasan kawasan sewaktu dengarnya